

31 OCT 1996

Mahathir-Tenaga Nasional

DR MAHATHIR LAWAT IBU PEJABAT TENAGA NASIONAL BERHAD

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad di Jalan Bangsar di sini, lawatannya yang pertama sejak badan itu diswastakan pada tahun 1992.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, akan diberi taklimat mengenai operasi Tenaga Nasional oleh pengerusi eksekutifnya Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Ahmad Tajuddin mengambil alih jawatan daripada Tan Sri Ani Arope selepas kejadian gangguan bekalan elektrik ke seluruh Semenanjung pada 3 Ogos.

Dr Mahathir akan merasmikan bangunan penjanaan yang baru yang terletak dalam pekarangan Tenaga Nasional. Beliau akan memandu E-Van iaitu kenderaan berkuasa elektrik ciptaan Tenaga Nasional ke bangunan itu dan kemudian berucap kepada kakitangan Tenaga Nasional.

Baru-baru ini, Perdana Menteri berkata Tenaga Nasional tidak harus dibebankan membeli tenaga pada kos yang tinggi daripada Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) dan memberi subsidi bagi kos membekalkan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar.

Beliau mengumumkan bahawa kerajaan mungkin menghentikan penubuhan lebih banyak IPP kerana jumlah IPP yang beroperasi dan yang dalam proses diluluskan agak tinggi.

Dr Mahathir juga berkata IPP lambat-laun perlu membuat penawaran bagi menjual bekalan elektrik kepada Tenaga Nasional yang kini "terpaksa" membeli bekalan elektrik yang dihasilkan oleh IPP.

Para penganalisis berkata pembayaran kepada IPP meliputi hampir 40 peratus daripada kos mengurus Tenaga Nasional.

Pada tahun 1995, syarikat itu membayar RM1.6 bilion kepada IPP. Untuk tahun 1996 dan 1997, pembayaran dianggarkan RM2.174 bilion sementara bagi 1998 dan 1999, pembayaran dianggarkan mencapai RM3.106 bilion.

Setakat ini, 12 IPP diberi lesen dan lima beroperasi dengan membekalkan kira-kira 30 peratus tenaga di Semenanjung Malaysia sementara Tenaga Nasional masih memonopoli penghantaran dan pengagihan. -- BERNAMA

ES FAZ AKD